



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	4/12/2019	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### 'Buaya timbul 15 meter dari pantai'

**Parit Buntar:** Pengunjung pantai Ban Pecah, Kuala Kurau gempar apabila seekor buaya besar muncul di kawasan mandi-manda pantai itu kelmarin.

Buaya sepanjang lebih tiga meter itu kelihatan berenang berhampiran pesisir pantai hingga menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk dan pengunjung pantai berkenaan.

Penduduk yang hanya ingin dikenali sebagai Sopian, 40, berkata, kehadiran buaya itu disedari penduduk kira-kira jam 11 pagi kelmarin dan berenang menghampiri kawasan riadah di pantai itu.

Menurutnya, kelibat buaya itu jelas dapat dilihat dari jalan utama pantai berkenaan serta sempat dirakam beberapa pengunjung dan penduduk.

"Saya sendiri melihat buaya itu timbul 15 meter dari pantai dan daripada



KELIBAT buaya yang kelihatan di pantai Ban Pecah.

pengamatan mata kasar, buaya itu agak besar dan panjang melebihi tiga meter.

"Pihak berkaitan perlu mengambil serius perkara ini kerana ia boleh mengancam nyawa nelayan dan pengunjung pantai ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak, Yusoff Shariff mengesahkan maklumat mengenai kemunculan reptilia di kawasan pantai terbabit.